

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai cadangan melanjutkan had umur persaraan dan implikasinya terhadap produktiviti dan pasaran kerja di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan sektor swasta di seluruh Malaysia, menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Ini bermakna seseorang pekerja itu boleh terus bekerja walaupun telah melebihi 60 tahun. Oleh itu, tiada keperluan pada masa ini untuk melanjutkan umur persaraan.

2. Kementerian berpandangan sekiranya had umur persaraan dinaikkan, ia akan menjejaskan peluang pekerjaan terutamanya kepada golongan belia di mana seperti yang diketahui ketika ini kadar pengangguran belia di Malaysia ialah 10.9 peratus. Terdapat juga faktor-faktor yang boleh mempengaruhi produktiviti negara sekiranya umur bersara dinaikkan seperti contohnya faktor kesihatan yang boleh menjejaskan keupayaan seseorang itu bekerja dan juga persekitaran kerja yang tidak sesuai bagi individu yang sudah berusia.